MUHAMMAD AMIN ANUAR lwn. BADAN PENGURUSAN BERSAMA PANGSAPURI ANGGUN & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
JAMHIRAH ALI PK
[GUAMAN SIVIL NO: BA-22NCVC-15-01-2021]
29 DISEMBER 2023

Abstrak – *Seorang peguam cara bertanggungjawab melindungi kepentingan anak guamnya demi keadilan. Seorang peguam cara yang beretika dan munasabah tidak akan mengambil satu tindakan drastik yang memprejudis anak guamnya hanya kerana anak guam tersebut gagal membayar fi guaman. Tindakan memfailkan notis pemberhentian tanpa kebebasan memfailkan semula dalam satu tuntutan, seperti yang dilakukan oleh peguam cara terhadap anak guamnya dalam kes ini apabila timbul pertikaian tentang fi guaman, tidak beretika dan satu salah laku yang serius. Peguam cara yang berhadapan dengan keadaan sedemikian mempunyai pilihan menarik diri dan mengambil tindakan undang-undang, bukan menganiaya anak guamnya.*

PROFESION GUAMAN: *Peguam bela dan peguam cara – Tuntutan anak guam terhadap peguam cara – Ganti rugi – Pertikaian antara peguam cara dan anak guam tentang fi guaman – Anak guam gagal membuat bayaran untuk invois-invois peguam cara – Anak guam menulis emel-emel menyatakan pendirian dan meminta penjelasan tentang invois-invois – Peguam cara memfailkan notis pemberhentian tanpa kebebasan memfailkan semula untuk tuntutan anak guam yang sedang berjalan – Sama ada anak guam mengalami kerugian – Sama ada anak guam berhak mendapat ganti rugi atas tindakan peguam cara*

TORT: *Fitnah – Tuntutan – Tuntutan oleh peguam cara terhadap anak guam – Pertikaian tentang fi guaman – Anak guam menulis emel-emel menyatakan pendirian dan meminta penjelasan tentang invois-invois oleh peguam cara – Inti pati dan konteks emel-emel anak guam – Sama ada terdapat unsur fitnah – Sama ada elemen-elemen tort fitnah dipenuhi*

TORT: *Kepalsuan memudaratkan – Tuntutan – Tuntutan oleh peguam cara terhadap anak guam – Pertikaian tentang fi guaman – Anak guam menulis emel-emel menyatakan pendirian dan meminta penjelasan tentang invois-invois oleh peguam cara – Sama ada terdapat bukti anak guam melakukan perbuatan-perbuatan kepalsuan memudaratkan, konspirasi mencederakan, fraud dan representasi palsu terhadap peguam cara – Sama ada peguam cara mengalami kecederaan kehilangan pendapatan, tercalar status sosial atau imej firma guamannya tercedera*

Plaintif adalah peguam cara yang dilantik oleh defendan untuk mewakili defendan pertama menggantikan peguam cara terdahulu dalam tuntutan defendan-defendan terhadap Jasakon Niaga Sdn Bhd ('Jasakon Niaga') ('kes Jasakon Niaga') di Mahkamah Majistret. Defendan pertama ialah sebuah badan yang ditubuhkan bawah Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 manakala defendan kedua adalah pengerusi ahli jawatankuasa defendan pertama dan defendan ketiga pula pengurus bangunan defendan pertama. Tuntutan plaintif terhadap defendan-defendan adalah untuk (i) fi guaman yang tidak dibayar oleh defendan-defendan; dan (ii) ganti rugi untuk libel dan/atau slander dan/atau kepalsuan memudaratkan oleh defendan-defendan terhadap plaintif. Defendan-defendan pula menuntut balas untuk ganti rugi akibat tindakan plaintif memfailkan notis pemberhentian tanpa kebebasan memfailkan semula ('notis pemberhentian') untuk tuntutan defendan-defendan dalam kes Jasakon Niaga tanpa kebenaran dan pengetahuan defendan-defendan. Menurut defendan-defendan: (i) plaintif dan defendan pertama bersetuju dengan fi guaman untuk mengendalikan kes Jasakon Niaga sehingga keputusan perbicaraan kes yang keseluruhannya tidak melebihi RM10,000 termasuk bayaran-bayaran yang dibuat sebelumnya kepada peguam cara terdahulu; (ii) defendan pertama telah menerima invois pertama dan kedua yang masing-masing berjumlah RM4,848 dan RM5,953. Namun demikian, defendan pertama tidak membuat pembayaran untuk invois-invois tersebut kerana menurut semakan, fi guaman sebanyak RM5,185.84 telah dibuat kepada peguam cara terdahulu. Oleh itu, pembayaran invois yang dikemukakan oleh plaintif, akan menjadikan jumlah keseluruhan fi guaman kes Jasakon Niaga melebihi fi guaman yang disetujui, iaitu RM10,000; (iii) defendan pertama mengeluarkan dua emel kepada plaintif, meminta penjelasan tentang invois yang dimajukan oleh plaintif; (iv) plaintif yang tidak berpuas hati dengan defendan pertama, memfailkan notis pemberhentian menyebabkan kerugian pada defendan pertama kerana tuntutan defendan pertama terhadap Jasakon Niaga terhenti begitu sahaja dan defendan pertama tidak boleh meneruskan tuntutan terhadap Jasakon Niaga secara kekal; (v) selain kes Jasakon Niaga, plaintif juga dilantik oleh defendan pertama untuk mengambil tindakan terhadap enam pemunya petak yang merupakan penduduk Pangsapuri Anggun ('kes enam pemunya petak') atas kegagalan mereka membayar caj-caj penyelenggaraan, caruman kumpulan wang diperjelas, insurans kebakaran dan lain-lain; (vi) untuk kes enam pemunya petak itu, defendan pertama hanya mengarahkan plaintif mengeluarkan surat tuntutan dan memfailkan writ saman sahaja dan plaintif hendaklah menunggu arahan selanjutnya daripada defendan pertama sebelum melakukan apa-apa tindakan lanjut. Sebaliknya, plaintif, tanpa apa-apa arahan daripada defendan pertama, bertindak memfailkan penghakiman ingkar kehadiran terhadap empat pemunya petak dan melakukan penyampaian ganti kepada dua lagi pemunya petak; (vii) defendan pertama membayar sejumlah RM6,648 fi guaman kepada plaintif bagi kes enam pemunya petak dan enggan membayar kerja-

kerja yang dilakukan luar arahan defendan pertama; dan (viii) tuntutan defendan pertama dalam kes Jasakon Niaga di Mahkamah Majistret adalah RM94,800. Maka defendan-defendan menuntut jumlah tersebut dalam tuntutan balas mereka terhadap plaintif, iaitu RM99,985.84.

Diputuskan (menolak tuntutan plaintif; membenarkan tuntutan balas defendan-defendan):

(1) Terdapat bukti yang menunjukkan bahawa terdapat persetujuan berhubung fi guaman bagi kes Jasakon Niaga sebanyak RM10,000 antara plaintif dan defendan-defendan dengan menolak bayaran yang telah dilakukan kepada peguam cara terdahulu. Melalui kedua-dua invois yang plaintif keluarkan, jelas bahawa fi yang dipersetujui pada keseluruhannya adalah RM10,000 sahaja. Ketika pemeriksaan balas, plaintif telah mengakui bahawa dia memfailkan notis pemberhentian tersebut tanpa persetujuan dan arahan defendan-defendan. Tindakan yang diambil oleh plaintif adalah satu tindakan keterlaluan yang amat memprejudiskan defendan pertama kerana hak litigasi defendan pertama terhadap Jasakon Niaga di mahkamah telah dinafikan. Plaintif tidak berhak berbuat demikian walaupun defendan pertama tidak membayar fi guamannya. Plaintif seharusnya hanya memfailkan notis untuk menarik diri daripada bertindak sebagai peguam defendan pertama apabila timbul pertikaian berhubung fi guaman. Sikap dan tindakan plaintif adalah tidak beretika dan melanggar etika peguam. (perenggan 34, 35 & 37)

(2) Plaintif tidak layak mendapatkan baki fi guaman yang belum dijelaskan oleh defendan-defendan untuk kes Jasakon Niaga kerana tindakan tersebut telah diberhentikan oleh plaintif sebelum perbicaraan kes tersebut selesai. Berhubung invois kes Jasakon Niaga bagi jumlah RM35,656 yang dikemukakan oleh plaintif selepas notis pemberhentian tersebut difailkan, mahkamah mendapati bahawa tiada asas bagi tuntutan tersebut kerana plaintif tidak mengemukakan apa-apa bukti menunjukkan mengapa dan bagaimana plaintif layak menerima jumlah tersebut sebagai fi guaman. Tambahan pula, fi tersebut bukan fi yang disetujui antara pihak-pihak. (perenggan 38)

(3) Plaintif mendakwa telah mendapat arahan daripada defendan ketiga untuk memfailkan penghakiman ingkar kehadiran dan permohonan penyampaian ganti dalam kes enam pemunya petak. Walau bagaimanapun, tiada bukti yang menyokong kenyataan plaintif ini. (perenggan 42 & 43)

(4) Inti pati dan konteks emel defendan-defendan adalah berhubung permintaan dokumen-dokumen dan penjelasan daripada plaintif serta maklum balas dan penjelasan berkenaan pendirian defendan-defendan tentang isu tuntutan fi guaman yang dikemukakan oleh plaintif. Tiada

unsur fitnah dalam kandungan emel-emel tersebut. Selanjutnya, plaintif langsung tidak mengemukakan apa-apa bukti untuk menunjukkan defendan-defendan telah melakukan perbuatan-perbuatan kepalsuan memudaratkan, konspirasi mencederakan, fraud dan representasi palsu terhadap plaintif. Plaintif juga gagal mengemukakan apa-apa bukti bahawa akibat daripada emel-emel tersebut, dia telah mengalami kecederaan kehilangan pendapatan, tercalar 'social standing' atau imej firma guamannya telah tercedera. (perenggan 54 & 73)

(5) Jelas plaintif tahu tindakannya akan merugikan dan memprejudiskan defendan-defendan. Tindakan plaintif adalah satu 'blatant act' dan salah laku serius. Defendan-defendan layak mendapat ganti rugi atas kerugian dan prejudis dialami untuk kes Jasakon Niaga yang telah diberhentikan tanpa kebebasan memfailkan semula sedangkan kes tersebut sedang dalam proses perbicaraan. Plaintif gagal membuktikan tuntutannya atas imbangan kebarangkalian manakala defendan-defendan pula telah membuktikan tuntutan balas mereka atas imbangan kebarangkalian. Tuntutan balas defendan-defendan yang dibenarkan adalah untuk jumlah RM98,846.34. (perenggan 95, 97 & 101)

Kes-kes yang dirujuk:

BS Eramaju Engineering Sdn Bhd v. OPS Suria (EM) Sdn Bhd & Anor And Another Appeal [2018] CLJU 590; [2018] 1 LNS 590 CA ***(dirujuk)***

CAS v. MPPL & Anor [2022] 6 CLJ 713 HC ***(dirujuk)***

Cheah Cheng Hoc v. PP [1986] 1 CLJ 169; [1986] CLJ (Rep) 84 SC ***(dirujuk)***

Kuala Terengganu Specialist Hospital Sdn Bhd & Anor v. Ahmad Thaqif Amzar Ahmad Huzairi & Other Appeals [2022] 10 CLJ 209 CA ***(dirujuk)***

Letchumanan Chettiar Alagappan (As Executor To SL Alameloo Achi (Deceased)) & Anor v. Secure Plantation Sdn Bhd [2017] 5 CLJ 418 FC ***(dirujuk)***

Messrs Albert Ding, Lee & Partners v. Cho Chooi Mei [2020] 5 CLJ 778 HC ***(dirujuk)***

Neogh Soo Oh & Ors v. G Rethinasamy [1983] 2 CLJ 218; [1983] CLJ (Rep) 663 HC ***(dirujuk)***

Raub Australian Gold Mining Sdn Bhd v. Hue Shieh Lee [2019] 3 CLJ 729 FC ***(dirujuk)***

Re Zainur Zakaria [1999] 3 CLJ 696 HC ***(dirujuk)***

Sinnaiyah & Sons Sdn Bhd v. Damai Setia Sdn Bhd [2015] 7 CLJ 584 FC ***(dirujuk)***

Subramaniam Manickam lwn. Supramaniam Kasia Pillai [2016] 9 CLJ 105 HC ***(dirujuk)***

Yeohata Machineries Sdn Bhd & Anor v. Coil Master Sdn Bhd & Ors [2016] 2 CLJ 44 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Evidence Act 1950, s. 101

Legal Profession (Practice and Etiquette) Rules 1978, rr. 6, 16, 31, 35

Legal Profession Act 1976, s. 94

Bagi pihak plaintif - Muhammad Amin Anuar & Norsafiqka Norman; T/n Amin Chambers
Bagi pihak defendan - Ku Amirul Faiz Ku Seman & Nurul Atikah Che Anawa; T/n Kama & Wan

Dilaporkan oleh Lina E

PENGHAKIMAN

Jamhirah Ali PK:

Pengenalan

[1] Tindakan ini berbangkit akibat daripada hubungan yang tegang dan keruh antara peguam dengan anak guamnya.

[2] Tuntutan plaintif terhadap defendan-defendan adalah untuk fi guaman yang tidak dibayar oleh defendan-defendan. Plaintif juga menuntut ganti rugi untuk libel dan/atau slander dan/atau kepalsuan memudaratkan oleh defendan-defendan terhadap plaintif.

[3] Manakala tuntutan balas defendan-defendan adalah untuk ganti rugi akibat daripada tindakan plaintif memfailkan notis pemberhentian tanpa kebebasan memfailkan semula bagi tuntutan defendan-defendan terhadap Jasakon Niaga Sdn Bhd (kes Jasakon Niaga) tanpa kebenaran dan pengetahuan defendan-defendan.

[4] Plaintif merupakan peguam cara yang dilantik oleh defendan-defendan bagi mewakili defendan pertama dalam kes Mahkamah Majistret Bandar Baru Bangi, Guaman Sivil BI-A72NCVC-342-09-2019 antara Badan Pengurusan Bersama Pangsapuri Anggun dengan Jasakon Niaga Sdn Bhd, menggantikan peguam cara terdahulu iaitu Tetuan Jing Wani & Co dan Tetuan Ling & Theng Book.

[5] Defendan pertama adalah sebuah badan yang ditubuhkan pada 23 Ogos 2014 di bawah Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663).

[6] Pada masa material, defendan kedua merupakan pengerusi kepada ahli jawatankuasa defendan pertama. Manakala, defendan ketiga adalah pengurus bangunan defendan pertama.

Isu Untuk Dibicarakan

[7] Terdapat 16 isu untuk dibicarakan seperti yang dinyatakan di dalam isu-isu untuk dibicarakan. Walau bagaimanapun, atas persetujuan pihak-pihak, selepas perbicaraan, isu-isu tersebut telah diringkaskan kepada empat isu utama kerana kebanyakan isu-isu tersebut adalah berkaitan. Isu-isu utama untuk diputuskan adalah seperti berikut:

(i) sama ada plaintif berhak untuk menuntut fi guaman bagi kes Jasakon Niaga dan kes enam pemunya petak daripada defendan-defendan (gabungan isu pertama dan isu kedua).

(ii) sama ada emel-emel yang dikeluarkan oleh defendan-defendan kepada plaintif adalah fitnah dan memudaratkan plaintif dan menyebabkan plaintif mempunyai tuntutan terhadap defendan-defendan (gabungan isu ketiga hingga isu ketujuh).

(iii) sama ada defendan-defendan bertanggungjawab atas kepalsuan memudarat (injurious falsehood), konspirasi mencederakan (conspiracy to injure), frod dan representasi palsu terhadap plaintif (gabungan isu kelapan hingga ke-13).

(iv) sama ada plaintif bertanggungjawab menanggung kerugian yang dialami oleh defendan pertama seperti yang dinyatakan di dalam tuntutan balas defendan-defendan, atas notis pemberhentian tanpa kebebasan memfailkan semula bagi kes Jasakon Niaga (gabungan isu ke-14 hingga ke-16).

Saksi

[8] Pihak-pihak telah memanggil seorang saksi bagi setiap pihak. Saksi-saksi adalah seperti berikut:

(i) Muhammad Amin bin Anuar – SP1 (plaintif sendiri).

(ii) Kamarul Ariffin bin Kamaruzaman – SD1 (defendan kedua).

Fakta Kes

[9] Pertikaian utama antara plaintif dan defendan-defendan adalah berhubung fi guaman bagi tindakan-tindakan di mahkamah.

[10] Defendan-defendan telah melantik plaintif sebagai peguam cara untuk mengambil alih dan mengendalikan kes Jasakon Niaga kerana plaintif adalah peguam cara yang mengendalikan kes Jasakon Niaga ketika plaintif berkhidmat di Tetuan Jing Wani & Co dan kemudian di Tetuan Ling & Theng Book. Tambahan, plaintif mempunyai akses langsung terhadap fail kes dan pengetahuan khusus tentang perjalanan kes termasuk dan tidak terhad kepada pembayaran-pembayaran berkaitan pengendalian kes Jasakon Niaga.

[11] Menurut defendan-defendan, plaintif dan defendan pertama telah bersetuju bahawa fi guaman plaintif untuk mengendalikan kes Jasakon Niaga sehingga keputusan perbicaraan kes di Mahkamah Majistret Bandar Baru Bangi, yang keseluruhannya tidak melebihi RM10,000, termasuk bayaran-bayaran yang dibuat sebelumnya kepada peguam cara terdahulu iaitu Tetuan Jing Wani & Co dan Tetuan Ling & Theng Book, bagi pengendalian kes tersebut.

[12] Seterusnya, defendan pertama telah menerima invois pertama fi guaman plaintif bertarikh 1 Oktober 2020 sebanyak RM4,848. Plaintif kemudian, telah menghantar invois kedua bertarikh 19 November 2020 bagi jumlah RM5,953. Defendan pertama tidak membuat pembayaran bagi invois-invois tersebut kerana menurut semakan pembayaran fi guaman bagi kes Jasakon Niaga, defendan pertama telah mendapati sebanyak RM5,185.84 fi guaman telah dibuat kepada peguam cara terdahulu, Tetuan Jing Wani & Co dan Tetuan Ling & Theng Book. Oleh itu, dengan pembayaran invois yang dikemukakan oleh plaintif, ianya akan menjadikan jumlah keseluruhan fi guaman kes Jasakon Niaga melebihi fi guaman yang dipersetujui iaitu RM10,000.

[13] Sehubungan dengan itu, defendan pertama telah mengeluarkan emel-emel bertarikh 3 Disember 2020 dan 7 Disember 2020 kepada plaintif meminta supaya penjelasan diberikan berkenaan dengan invois yang dimajukan oleh plaintif.

[14] Plaintif yang tidak berpuas hati dengan defendan pertama telah memfailkan satu notis pemberhentian tanpa kebebasan memfailkan semula untuk kes Jasakon Niaga di Mahkamah Majistret Bandar Baru Bangi tanpa arahan dan persetujuan defendan pertama. Tindakan plaintif ini telah menyebabkan kerugian di pihak defendan pertama kerana tuntutan defendan pertama terhadap Jasakon Niaga terhenti begitu sahaja dan defendan pertama tidak boleh meneruskan tuntutan terhadap Jasakon Niaga secara kekal.

[15] Oleh yang demikian, defendan pertama melalui peguam cara defendan-defendan telah mengeluarkan notis tuntutan bertarikh 6 Januari 2021, menuntut plaintif membayar jumlah wang sebanyak RM99,985.84 kepada defendan pertama, yang merupakan tuntutan defendan pertama terhadap Jasakon Niaga. Plaintif telah enggan untuk membayar tuntutan defendan pertama, sebaliknya memfailkan tindakan ini di mahkamah ini.

[16] Selain daripada kes Jasakon Niaga, plaintif juga telah dilantik oleh defendan pertama untuk mengambil tindakan terhadap enam pemunya petak yang merupakan penduduk Pangsapuri Anggun (kes enam pemunya petak). Tuntutan defendan pertama adalah untuk kegagalan pembayaran caj-caj penyelenggaraan, caruman kumpulan wang diperjelas (sinking fund), insurans kebakaran dan lain-lain.

[17] Defendan-defendan menyatakan untuk kes enam pemunya petak, defendan pertama hanya mengarahkan plaintif untuk mengeluarkan surat tuntutan dan pemfailan writ saman sahaja dan plaintif hendaklah menunggu arahan selanjutnya daripada defendan pertama sebelum melakukan apa-apa tindakan lanjut.

[18] Sebaliknya, plaintif, tanpa mendapat arahan daripada defendan pertama, telah bertindak memfailkan penghakiman ingkar kehadiran terhadap empat pemunya petak dan melakukan penyampaian ganti kepada dua lagi pemunya petak.

[19] Defendan pertama telah membayar sejumlah RM6,648 fi guaman kepada plaintif bagi kes enam pemunya petak dan enggan membayar untuk kerja-kerja yang dilakukan oleh plaintif di luar arahan defendan pertama.

[20] Rentetan daripada emel-emel dan surat-menyurat di antara kedua belah pihak, plaintif telah membuat dakwaan bahawa defendan-defendan telah melakukan slander dan/atau libel terhadapnya dan membuat tuntutan terhadap defendan-defendan untuk jumlah kerugian sebanyak RM6,000,000. Selain itu, plaintif juga telah mengeluarkan invois-invois baru bagi kes Jasakon Niaga dan kes enam pemunya petak dan menuntut defendan-defendan membayar kesemua invois-invois tersebut.

Analisa Keterangan Dan Dapatan Mahkamah

[21] Setelah meneliti kesemua keterangan yang telah dikemukakan oleh plaintif dan defendan-defendan pada perbicaraan, dan setelah membaca hujahan-hujahan bertulis dan setelah mendengar hujahan lisan dari kedua-dua pihak, mahkamah mendapati plaintif telah gagal untuk membuktikan tuntutan plaintif atas imbangan kebarangkalian. Selanjutnya, mahkamah mendapati defendan-defendan telah membuktikan tuntutan balas defendan-defendan atas imbangan kebarangkalian. Alasan-alasan saya adalah seperti yang dinyatakan di bawah.

Sama Ada Plaintif Berhak Untuk Menuntut Fi Guaman Bagi Kes Jasakon Niaga Dan Kes Enam Pemunya Petak Dan Sama Ada Defendan-defendan Ada Mengarahkan Plaintif Untuk Menyemak Semula Dan/Atau Mengubah Fi Guaman Yang Lebih Tinggi Untuk Kes Jasakon Niaga

[22] Plaintif menyatakan bahawa setelah mengambil alih fail kes Jasakon Niaga daripada firma-firma guaman terdahulu, Tetuan Ling & Theng Book dan Tetuan Jing Wani & Co., plaintif telah mengendalikan kes Jasakon Niaga sehingga ke peringkat perbicaraan.

[23] Manakala bagi kes enam pemunya petak, plaintif mengatakan defendan-defendan mengakui pembayaran pertama iaitu fi guaman buka fail namun gagal dan/atau enggan untuk membayar bayaran lanjutan setelah plaintif merekodkan empat penghakiman ingkar kehadiran dan mendapat arahan mahkamah untuk penyampaian ganti bagi dua kes pemunya petak tersebut.

[24] Plaintif menghujahkan terdapat kontrak di antara plaintif dan defendan-defendan selaku peguam dan anak guam, yang mana sebagai balasan, plaintif menjalankan kerja-kerja sebagai peguam. Oleh sebab defendan-defendan telah memberi arahan kepada plaintif yang bertindak selaku peguam mereka, maka defendan-defendan bertanggungjawab membayar fi guaman serta bil-bil guaman seperti legal fees, disbursement dan reimbursement.

[25] Plaintif menegaskan, dalam tindakan ini, defendan-defendan telah menghalang plaintif daripada terus bertindak sebagai peguam apabila mereka enggan memberi kerjasama dan arahan kepada plaintif. Di samping itu, defendan-defendan juga telah menghalang plaintif daripada terus menghubungi defendan-defendan terutama defendan kedua. Defendan-defendan juga enggan membuat pembayaran yang dijanjikan.

[26] Plaintif menghujahkan sekiranya defendan-defendan tidak bersetuju dengan jumlah invois yang diberikan oleh plaintif, defendan-defendan seharusnya meminta penjelasan atau berbincang dengan plaintif. Walau bagaimanapun, defendan-defendan tidak meminta apa-apa penjelasan atau berbincang dengan plaintif, tetapi telah bertindak menerbitkan kenyataan-kenyataan fitnah terhadap plaintif bersifat *mala fide*.

[27] Defendan-defendan menegaskan fi guaman yang dipersetujui oleh pihak-pihak bagi kes Jasakon Niaga adalah sebanyak RM10,000 sahaja dengan menolak apa-apa bayaran yang telah dibayar kepada peguam cara terdahulu. Defendan-defendan telah membayar peguam cara terdahulu sebanyak RM5,185.84. Defendan-defendan telah merujuk kepada bukti-bukti dokumen yang menunjukkan plaintif mengetahui dan telah bersetuju dengan pengaturan tersebut.

[28] Defendan-defendan juga menegaskan bahawa defendan pertama tidak membayar jumlah RM5,930 yang dinyatakan dalam invois plaintif bertarikh 19 November 2020 kerana kes Jasakon Niaga masih belum tamat. Jumlah RM10,000 yang dipersetujui itu adalah bagi keseluruhan fi guaman dari awal pemfailan tindakan, perbicaraan sehingga penghakiman direkodkan. Tambahan pula, defendan pertama telah membangkitkan beberapa isu untuk plaintif memberikan penjelasan melalui emel pada 7 Disember 2020, seperti berikut:

(i) tuntutan plaintif tidak disertakan bukti kerja yang telah dibuat dan belum dibuat;

(ii) defendan pertama masih belum menerima resit untuk jumlah fi guaman yang dibayar kepada Tetuan Jing Wani & Co; dan

(iii) mengikut invois plaintif, plaintif menggunakan akaun bank peribadi plaintif. Oleh itu, defendan pertama merasa janggal dan meminta penjelasan plaintif.

[29] Defendan-defendan menegaskan penjelasan yang diminta oleh defendan pertama adalah munasabah. Selaku peguam cara defendan pertama, plaintif seharusnya memberikan penjelasan yang baik supaya fi guaman yang dituntut dapat dijelaskan dengan segera. Selanjutnya, emel defendan-defendan bertarikh 15 Disember 2020 adalah jelas menyatakan defendan pertama tidak pernah menyatakan bahawa defendan pertama tidak akan

membuat pembayaran. Namun apa yang diminta adalah penjelasan, dokumen dan resit kerana ia adalah SOP defendan pertama sebelum sesuatu bayaran itu dibuat. Namun, plaintif di dalam jawapannya masih gagal memberikan bukti kerja yang telah dibuat kepada defendan pertama.

[30] Walau bagaimanapun, plaintif melalui emel-emel pada 3 Disember 2020 jam 9.31 pagi dan pada jam 6.41 petang, hari yang sama, telah menyatakan plaintif akan menarik diri sebagai peguam cara defendan pertama jika defendan pertama gagal membayar fi guaman plaintif pada atau sebelum 7 Disember 2020.

[31] Namun, pada 14 Disember 2020, plaintif tanpa arahan dan pengetahuan defendan pertama telah memfailkan notis pemberhentian tanpa kebebasan memfailkan semula bagi kes Jasakon Niaga. Perkara ini amat memprejudiskan hak defendan pertama untuk mendapatkan ganti rugi dalam tindakan defendan pertama terhadap Jasakon Niaga.

[32] Defendan-defendan menyatakan bahawa tempoh masa antara invois dikeluarkan pada 19 November 2020 dengan tarikh pemfailan notis pemberhentian pada 14 Disember 2020 tidaklah lama dan pada masa material, kerja plaintif masih belum sempurna.

[33] Selanjutnya, plaintif telah mengeluarkan satu lagi invois baru kepada defendan pertama bertarikh 7 Januari 2021 untuk kes Jasakon Niaga bagi jumlah RM35,656, selepas notis pemberhentian tersebut difailkan. Defendan-defendan menyatakan jumlah yang dinyatakan dalam invois tersebut langsung tiada asas.

[34] Mahkamah mendapati terdapat bukti yang menunjukkan bahawa terdapat persetujuan berhubung fi guaman bagi kes Jasakon Niaga sebanyak RM10,000 antara plaintif dan defendan dengan menolak bayaran yang telah dilakukan kepada peguam cara terdahulu. Plaintif telah bersetuju dan mempunyai pengetahuan berhubung pengaturan tersebut. Surat dan invois plaintif bertarikh 19 November 2020 jelas menyatakan butiran terperinci fi guaman dan jumlah keseluruhan bagi kes Jasakon Niaga setakat keputusan mahkamah Majistret (selepas perbicaraan) adalah RM10,000 sahaja. Plaintif juga mengesahkan defendan pertama ada membuat bayaran kepada peguam cara terdahulu dan baki fi guaman yang perlu dijelaskan oleh defendan-defendan ialah RM5,953 untuk kes Jasakon Niaga. Malah, melalui invois bertarikh 1 Oktober 2020, plaintif hanya menuntut RM4,848 sahaja bagi mengendalikan kes tersebut sehingga keputusan kes, setelah mengambil alih kes dari peguam cara terdahulu. Oleh itu, melalui kedua-dua invois ini, jelas fi yang dipersetujui pada keseluruhannya adalah hanya RM10,000 sahaja.

[35] Ketika pemeriksaan balas oleh peguam defendan-defendan yang bijaksana, plaintif telah mengakui bahawa plaintif telah memfailkan notis pemberhentian tanpa kebebasan memfailkan semula bagi kes Jasakon Niaga

di mahkamah Majistret tanpa persetujuan dan arahan defendan-defendan. Perkara ini telah memprejudiskan defendan pertama di mana defendan pertama tidak dapat meneruskan apa-apa tuntutan terhadap Jasakon Niaga. Mahkamah mendapati "plaintiff went on the frolic of his own", apabila mengambil tindakan yang keterlaluan itu. Plaintif seharusnya hanya memfailkan notis untuk menarik diri dari bertindak sebagai peguam defendan pertama apabila timbul pertikaian berhubung fi guaman. Namun, tindakan yang diambil oleh plaintif adalah satu tindakan keterlaluan yang amat memprejudiskan defendan pertama yang menafikan hak litigasi defendan pertama di mahkamah terhadap Jasakon Niaga. Plaintif tidak berhak untuk berbuat demikian, walaupun defendan pertama tidak membayar fi guamannya.

[36] Apa yang lebih memeranjatkan adalah sikap tidak peduli yang ditunjukkan oleh plaintif ketika menjawab soalan peguam cara yang bijaksana bagi pihak defendan-defendan ketika pemeriksaan balas. Plaintif dengan mudah menyatakan bahawa notis pemberhentian tanpa kebebasan memfailkan semula yang telah difailkan olehnya dalam kes Jasakon Niaga tidak memprejudiskan defendan pertama kerana notis pemberhentian tersebut boleh dicabar dan diketepikan oleh mana-mana peguam lain. Jelas sikap dan tindakan plaintif adalah dengan niat untuk menghukum defendan pertama kerana tidak membayar fi guamannya kerana plaintif maklum dan arif akan akibat pemfailan notis pemberhentian tanpa kebebasan memfailkan semula adalah serius dan defendan-defendan tidak boleh meneruskan tuntutan mereka terhadap Jasakon Niaga.

[37] Mahkamah mendapati sikap dan tindakan plaintif adalah tidak beretika dan melanggar etika peguam. Plaintif sebagai seorang peguam apabila menerima tanggungjawab untuk mengendalikan kes bagi defendan pertama, maka akan wujud hubungan peguam dan anak guamnya yang akan menimbulkan kewajipan berjaga-jaga dan kemahiran kepeguaman dalam menjalankan apa-apa tugas yang plaintif telah mengaku janji untuk melaksanakannya. Tugas dan kewajipan ini temasuk tugas untuk tidak 'mencederakan' anak guamnya dengan kegagalan untuk menjalankan tanggungjawab yang telah diterima olehnya, yang anak guamnya telah bergantung kepadanya untuk melaksanakannya. Saya merujuk kes *Subramaniam Manickam lwn. Supramaniam Kasia Pillai* [2016] 9 CLJ 105; [2016] MLRHU 673:

> [51] Di bawah undang-undang, pada umumnya hubungan peguam dan kliennya akan menimbulkan kewajipan berjaga-jaga dan kemahiran peguam dalam menjalankan apa-apa tugas yang beliau telah mengaku janji untuk melaksanakannya. Ini adalah kewajipan berjaga-jaga yang dinyatakan di dalam kes *Midland Bank Trust Co Ltd v. Hett, Stubbs & Kemp (a firm)* [1978] 3 All ER 571, menyatakan:

The solicitor were however liable to the plaintiff's in tort because under the *general law the relationship of solicitor and client give rise to a duty of a solicitor to exercise that care and skill on which he knew that his client would rely, and to a duty not to injure his client by failing to do what he had undertaken to do and which, at the solicitor's invitation, the client had relied on him to do.* Furthermore, there was no rule of law which confined a solicitor's duty to his client under his retainer to a contractual duty alone; nor was there any rule of law which precluded a claim in tort for breach of a duty to use reasonable care and skill if there was a parallel contractual duty of care.

[52] Di dalam kes *Dato' Seri Au Ba Chi & Anor v. Malayan United Finance Bhd & Anor* [1989] 1 MLRH 319; [1989] 3 MLJ 434; [1989] 1 CLJ (Rep) 460 di mana mahkamah telah memutuskan:

Under the general law, the relationship of solicitor and client give rise to a duty as a solicitor to exercise that care and skill on which he knew his client would rely, and to a duty not to injure his client by failing to do that which that he has undertaken to do and which at the solicitor's invitation, the client had relied on him to do.
(penekanan ditambah)

[38] Oleh itu, mahkamah bersetuju plaintif tidak layak untuk mendapatkan baki fi guaman yang belum dijelaskan oleh defendan-defendan bagi kes Jasakon Niaga kerana tindakan tersebut telah diberhentikan oleh plaintif sebelum perbicaraan kes tersebut selesai. Berhubung invois bertarikh 7 Januari 2021 untuk kes Jasakon Niaga bagi jumlah RM35,656, yang dikemukakan oleh plaintif selepas notis pemberhentian tersebut difailkan, mahkamah mendapati tiada asas bagi tuntutan ini kerana plaintif tidak mengemukakan apa-apa bukti untuk menunjukkan mengapa dan bagaimana plaintif layak untuk jumlah tersebut sebagai fi guaman. Tambahan, fi tersebut bukan fi yang dipersetujui antara pihak-pihak.

[39] Selanjutnya bagi kes enam pemunya petak, defendan-defendan menegaskan bahawa plaintif telah dilantik untuk mengambil tindakan ke atas enam penghuni Pangsapuri Anggun yang telah gagal membayar "maintenance fees". Menurut defendan pertama, arahannya adalah untuk mengeluarkan notis tuntutan dan memfailkan writ saman, dan apa-apa tindakan selanjutnya mestilah berdasarkan arahan defendan-defendan kepada plaintif setelah dinasihati dari segi undang-undang. Defendan-defendan juga menyatakan fi guaman yang telah dipersetujui dengan plaintif bagi kes enam pemunya petak adalah RM1,000 sahaja bagi setiap pemunya petak. Perkara ini telah dijelaskan semula oleh defendan pertama melalui emel bertarikh 5 Disember 2020 kepada plaintif. Petikan emel tersebut di bawah sub-topik justifikasi penolakan tuntutan, defendan pertama adalah seperti berikut:

1. Dalam perkara Writ Saman terhadap 6 pemilik yang dipersetujui melalui kiriman email bertarikh 25hb Ogos dari pejabat Pangsapuri Anggun kepada Amin Chambers. Arahan yang diberi adalah meneruskan tuntutan writ summon *dengan kos dipersetujui RM1,000.00 (RINGGIT MALAYSIA) bagi setiap satu fail kes tidak termasuk kos penyediaan dan pemfailan Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan bagi 6 kes sahaja.*

2. Pada 25hb September pihak Tuan telah menghantar satu kiriman (email) dan menyatakan ambil maklum arahan yang telah dibuat dan akan meneruskan proses dengan writ saman seperti diarahkan beserta inbois bertarikh 25hb September 2020 (tiada no. rujukan) dengan jumlah keseluruhan tuntutan RM6,648.00, dan ada dinyatakan di dalam email tersebut pihak tuan akan memaklumkan dan mengemaskini setiap perkembangan kes kepada kami status dan tindakan seterusnya yang akan dilaksanakan, dan pada 13hb Oktober 2020 pihak kami telah membuat pembayaran penuh (RM6,648.00) kepada pihak Amin Chambers dengan bayaran dibuat ke atas akaun peribadi Tuan … (penekanan ditambah)

[40] Defendan-defendan menyatakan plaintif telah mengambil tindakan untuk memfailkan penghakiman ingkar kehadiran dan permohonan penyampaian ganti tanpa arahan defendan pertama. Selanjutnya, defendan pertama juga dalam emel yang sama telah mengarahkan plaintif untuk menghentikan kesemua tindakan undang-undang terhadap kes enam pemunya petak dengan serta merta, kerana defendan pertama mendapati plaintif tidak rasional dalam tindakannya.

[41] Defendan pertama telah membayar fi guaman RM6,648 ke akaun peribadi plaintif pada 15 Oktober 2020. Fakta ini tidak dipertikaikan. Namun, plaintif menegaskan RM6,648 hanyalah bagi penyediaan dan pemfailan writ saman dan pernyataan tuntutan sahaja dan tidak termasuk fi guaman bagi pemfailan permohonan penyampaian ganti dan penghakiman ingkar kehadiran.

[42] Plaintif mendakwa plaintif telah mendapat arahan daripada defendan ketiga untuk memfailkan penghakiman ingkar kehadiran dan pemfailan permohonan penyampaian ganti dalam kes enam pemunya petak. Melalui dua invois bertarikh 3 Disember 2020 masing-masing, plaintif telah menuntut fi guaman tambahan sebanyak RM6,088 bagi empat kes yang dimasukkan penghakiman ingkar kehadiran dan RM6,960 bagi dua kes yang dimasukkan penyampaian ganti, yang jumlah keseluruhannya adalah RM13,048. Selanjutnya, pada 7 Januari 2021, plaintif telah menuntut RM34,088 bagi empat penghakiman ingkar kehadiran dan RM11,740 bagi dua penyampaian ganti tersebut.

[43] Mahkamah mendapati tiada bukti untuk menyokong kenyataan plaintif bahawa plaintif telah mendapat arahan daripada defendan ketiga untuk memasukkan penghakiman ingkar kehadiran serta pemfailan permohonan penyampaian ganti bagi kes enam pemunya petak. Tuntutan dalam kes ini telah difailkan oleh plaintif. Komunikasi antara plaintif dan defendan ketiga melalui "call log" yang dikemukakan oleh plaintif tidak membuktikan bahawa defendan ketiga telah memberi arahan tersebut.

A **[44]** Defendan ketiga juga tidak dipanggil sebagai saksi oleh plaintif untuk memberikan keterangan berhubung perkara ini. Plaintif menyatakan plaintif pada asalnya bercadang untuk memanggil defendan ketiga, namun apabila defendan-defendan menyenaraikan nama defendan ketiga dalam senarai saksi, plaintif telah meminda senarai saksi plaintif. Namun, defendan-
B defendan tidak memanggil defendan ketiga. Mahkamah berpendapat walaupun defendan-defendan tidak mengemukakan defendan ketiga sebagai saksi, tiada apa-apa yang menghalang plaintif daripada mengeluarkan sepina terhadap defendan ketiga.

[45] Mahkamah mendapati tiada apa-apa bukti bahawa tuntutan yang
C dituntut oleh plaintif melalui invois-invois bertarikh 3 Disember 2020 dan 7 Januari 2021, masing-masing, adalah jumlah fi guaman yang dipersetujui antara plaintif dan defendan-defendan atas arahan yang diberikan oleh defendan pertama dan/atau defendan ketiga atas arahan defendan pertama.

[46] Merujuk kepada s. 101 Akta Keterangan 1950, adalah undang-undang
D mantap bahawa beban pembuktian adalah ke atas plaintif. Maka, beban untuk membuktikan tuntutan plaintif dan kenyataan plaintif bahawa plaintif telah menerima arahan daripada defendan ketiga terletak di atas plaintif. Plaintif juga mempunyai beban untuk memanggil defendan ketiga sebagai saksi untuk membuktikan kenyataan plaintif tersebut. Alasan bahawa
E defendan-defendan tidak memanggil defendan ketiga bukanlah alasan kukuh bagi kegagalan plaintif membuktikan kenyataannya. Oleh kerana kenyataan tersebut dibuat oleh plaintif, beban bukti kekal terletak atas plaintif untuk membuktikannya.

[47] Berdasarkan dokumen dan keterangan SD1, mahkamah mendapati
F bagi kes enam pemunya petak, fi guaman yang dipersetujui antara plaintif dan defendan adalah sebanyak RM1,000 bagi setiap seorang pemunya petak, yang jumlah keseluruhan sebanyak RM6,648 telah pun dibayar oleh defendan pertama.

[48] Mahkamah juga mendapati tiada bukti untuk menyokong kenyataan
G plaintif bahawa terdapat pengaturan dan persetujuan antara plaintif dan defendan-defendan untuk plaintif menyemak dan mengubah amaun fi guaman yang telah dipersetujui bagi kes Jasakon Niaga mahu pun kes enam pemunya petak.

H **[49]** Selanjutnya, mahkamah bersetuju dengan hujahan defendan-defendan bahawa kontrak yang wujud adalah antara plaintif dan defendan pertama. Tanggungjawab untuk membayar plaintif adalah tanggungjawab defendan pertama. Apa-apa arahan berkenaan kes juga hendaklah diberikan oleh defendan pertama. Maka, plaintif mempunyai tanggungjawab untuk
I memberikan dokumen sokongan atau penjelasan kepada defendan pertama apabila diminta oleh defendan pertama. Dalam kes ini, jelas plaintif tidak

mengendahkan permintaan berulang kali defendan pertama untuk mendapatkan penjelasan dan dokumen sokongan berhubung tuntutan fi guaman yang dibuat oleh plaintif bagi membolehkan defendan pertama membuat bayaran.

Sama Ada Emel-emel Yang Dikeluarkan Oleh Defendan-defendan Pada 3 Disember 2020, 5 Disember 2020, 7 Disember 2020 Dan 15 Disember 2020 Merupakan Libel Dan/Atau Slander Kepada Plaintif Dan Memudaratkan Plaintif

[50] Plaintif menyatakan keseluruhan kandungan emel-emel bertarikh 3 Disember 2020, 5 Disember 2020, 7 Disember 2020 dan 15 Disember 2020 yang dihantar oleh defendan-defendan mengandungi pelbagai fitnah berniat jahat, yang bertujuan untuk menjatuhkan reputasi plaintif di mata orang awam.

[51] Plaintif mendakwa kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh defendan-defendan dalam emel-emel tersebut telah mencela, memalukan, menjatuhkan martabat plaintif sebagai peguam bela dan peguam cara di mata ahli-ahli jawatankuasa defendan pertama serta semua penduduk Pangsapuri Anggun.

[52] Defendan-defendan menegaskan emel-emel yang dihantar oleh defendan kedua tidak mempunyai unsur ugutan atau fitnah. Emel-emel tersebut adalah maklum balas muktamad dan penjelasan berkenaan pendirian defendan-defendan berkenaan isu tuntutan fi guaman yang dibangkitkan oleh plaintif. Pendirian defendan-defendan adalah konsisten bahawa plaintif telah bertindak tanpa mendapat arahan dan kebenaran defendan pertama. Emel-emel tersebut juga jelas meminta plaintif mengemukakan dokumen-dokumen, resit dan invois yang berkaitan untuk defendan-defendan memproses pembayaran kerana ia adalah prosedur pembayaran (SOP) defendan pertama. Walaupun permintaan telah dibuat berulang kali, namun tidak diendahkan oleh plaintif.

[53] Pertikaian berhubung bayaran fi guaman menjadi tegang antara pihak-pihak dan tiada jalan penyelesaian dicapai. Oleh itu, melalui emel bertarikh 3 Disember 2020, defendan-defendan telah memaklumkan plaintif bahawa mereka akan merujuk pertikaian tersebut kepada Majlis Peguam. Plaintif melalui emel jawapannya kepada defendan-defendan telah menyatakan plaintif tiada bantahan untuk merujuk pertikaian tersebut kepada Majlis Peguam.

[54] Setelah meneliti emel-emel yang menjadi pertikaian dengan teliti, mahkamah mendapati bahawa inti pati dan konteks emel-emel defendan-defendan adalah berhubung permintaan dokumen-dokumen dan penjelasan daripada plaintif serta maklum balas dan penjelasan berkenaan pendirian defendan-defendan berkenaan isu tuntutan fi guaman yang dikemukakan oleh plaintif. Tiada unsur fitnah dalam kandungan emel-emel tersebut.

[55] Dalam menentukan sama ada sesuatu kenyataan itu adalah merupakan fitnah, mahkamah hendaklah meneliti emel-emel tersebut dalam konteks 'maksud semula jadi dan biasa' (in their natural and ordinary meaning) dan sama ada 'orang yang munasabah' berkemungkinan memahami kenyataan itu sebagai suatu fitnah (a reasonable man would be likely to understand the statement in a defamatory way).

[56] Dalam kes ini, mahkamah mendapati plaintif telah gagal membuktikan bahawa emel-emel fitnah yang dikatakan telah mencederakan reputasinya dan/atau telah mendedahkannya kepada cemuhan, penghinaan atau menjatuhkan martabatnya sebagai seorang peguam. Ini kerana, mahkamah ini mendapati tiada seorang pun saksi atau apa-apa bukti yang dikemukakan bagi menyokong dakwaan plaintif.

[57] Selanjutnya, mahkamah mendapati perkataan dalam emel-emel defendan-defendan jika diambil dalam konteks yang dikatakan, tidak mungkin mengaitkan sebarang kenyataan fitnah.

[58] Berdasarkan ujian 'orang yang munasabah' (the reasonable man test) dan standard pendapat orang yang berfikiran betul secara umum (standard of opinion of right-thinking person in general), mahkamah ini mendapati bahawa perkataan yang digunakan dalam emel-emel defendan-defendan dalam maksud semula jadi dan biasa seperti yang difahami oleh 'orang yang munasabah', yang tidak terlalu curiga, atau gemar untuk skandal, tidak akan menyimpulkan maksud kandungan emel-emel itu sebagai fitnah.

[59] Merujuk kes *Raub Australian Gold Mining Sdn Bhd v. Hue Shieh Lee* [2019] 3 CLJ 729; [2019] 2 MLRA 345, Mahkamah Persekutuan telah menjelaskan berkenaan fitnah. Mahkamah menyatakan:

> [29] Defamation is committed when the defendant publishes to a third person words or matters containing untrue imputation against the reputation of the plaintiff. Liability for defamation is divided into two categories, that of libel and slander. If the publication is made in a permanent form or is broadcasted or is part of a theatrical performance, it is libel. If it is in some transient form or is conveyed by spoken words or gestures, it is slander (see: *Gatley on Libel and Slander*, 9th edn at p 6).
>
> [30] In *Ayob Saud v. TS Sambanthamurthi* [1988] 1 MLRH 653, His Lordship Mohamed Dzaiddin J (as he then was) has clearly laid down the necessary procedure in establishing claim for libel (with which we agree), when he said at p 155:
>
> > In our law on libel, which is governed by the Defamation Act 1957 (Revised - 1983), *the burden of proof lies on the plaintiff to show (1) the words are defamatory; (2) the words refer to the plaintiff; and (3) the words were published.* …

[31] *In other words, the plaintiff must prove three elements of the tort of defamation, which are:*

(i) *the plaintiff must show that the statement bears defamatory imputations;*

(ii) *the statement must refer to or reflect upon the plaintiff's reputation; and*

(iii) *the statement must have been published to a third person by the defendant.*

[32] What is "defamatory imputation"?

There is no precise test to be applied to determine whether or not any given words are defamatory. His Lordship Mohamed Azmi J (as he then was) in the case of *Syed Husin Ali v Sharikat Penchetakan Utusan Melayu Berhad & Anor* [1973] 1 MLRH 153, [1973] 2 MLJ 56, quoting *Gatley on Libel and Slander*, 6th edn p 4, stated the following:

> There is no wholly satisfactory definition of a defamatory imputation. *Any imputation which may tend "to lower the plaintiff in the estimation of right thinking members of society generally", 'to cut him off from society' or 'to expose him to hatred, contempt or ridicule', is defamatory of him. An imputation may be defamatory whether or not it is believed by those to whom it is published.*

It was further quoted that:

> *A defamatory imputation is one to a man's discredit, or which tends to lower him in the estimation of others, or to expose him to hatred, contempt or ridicule, or to injure his reputation in his office, trade or profession, or to injure his financial credit. The standard of opinion is that of right thinking persons generally.* To be defamatory an imputation need have no actual effect on a person's reputation; the law looks only to its tendency. (penekanan ditambah)

[60] Plaintif hendaklah membuktikan bahawa terdapatnya kenyataan berunsur fitnah yang telah dikeluarkan oleh defendan-defendan dalam emel-emel tersebut. Kenyataan-kenyataan tersebut mesti merujuk kepada plaintif dan terdapat penerbitan kepada pihak ketiga. Menurut dakwaan plaintif, emel-emel bertarikh 5 Disember 2020, 7 Disember 2020 dan 15 Disember 2020 merupakan suatu kenyataan fitnah yang merujuk kepada plaintif untuk menjatuhkan reputasi plaintif dan telah diterbitkan kepada pihak ketiga melalui salinan "cc" kepada pihak ketiga.

[61] Mahkamah mendapati plaintif gagal untuk membuktikan ketiga-tiga elemen yang diperlukan untuk membuktikan bahawa emel-emel tersebut mengandungi kenyataan berunsur fitnah. Ketika pemeriksaan balas, plaintif menyatakan keseluruhan kandungan emel-emel tersebut adalah kenyataan fitnah. Plaintif tidak menunjukkan atau menyatakan apakah kenyataan fitnah di dalam emel-emel tersebut.

[62] Pada penelitian mahkamah, kenyataan-kenyataan dalam emel-emel tersebut tidak berunsur fitnah dan ia tidak merujuk untuk merendahkan reputasi, mencela, memalukan atau menjatuhkan martabat plaintif sebagai peguam bela dan peguam cara di mata ahli-ahli jawatankuasa defendan pertama dan semua penduduk Pangsapuri Anggun.

[63] Mahkamah mendapati kandungan emel-emel adalah jelas berkenaan permintaan dokumen-dokumen, resit dan invois serta penjelasan berhubung fi guaman oleh defendan-defendan kerana pertikaian yang berpunca dari fi guaman yang tidak dipersetujui antara plaintif dan defendan-defendan. Tambahan lagi, defendan-defendan meminta penjelasan kerana plaintif menggunakan akaun peribadinya untuk pembayaran. Mahkamah mendapati apa yang diminta oleh defendan-defendan adalah wajar sebagai anak guam. Plaintif seharusnya memberikan penjelasan berkenaan fi guaman yang dikenakan serta penjelasan mengapa plaintif menggunakan akaun peribadinya dan bukan akaun firma guamannya.

[64] Mahkamah juga mendapati emel-emel tersebut tiada kenyataan yang membawa maksud plaintif telah menyeleweng atau menipu defendan pertama. Apa yang defendan-defendan berulang kali meminta adalah penjelasan mengenai fi guaman yang dikenakan dan segala resit dan dokumen berkaitan untuk membuat bayaran setakat kerja yang telah dilaksanakan oleh plaintif. Sebaliknya, plaintif telah mengugut defendan pertama untuk memfailkan notis penarikan diri bagi kes Jasakon Niaga, tetapi kemudiannya, plaintif telah memfailkan notis pemberhentian tanpa kebebasan memfailkan semula. Oleh itu, defendan-defendan telah meminta penjelasan bagi tindakan keterlaluan plaintif tersebut. Mahkamah mendapati tindakan plaintif sendiri adalah amat keterlaluan yang melanggar etika peguam dan defendan-defendan sebagai pihak yang terkilan mempunyai hak untuk meminta penjelasan bagi tindakan tersebut.

[65] Mahkamah juga berpendapat sekadar menggunakan perkataan huruf besar dan 'bold' tidak membawa maksud kenyataan itu berbaur fitnah. Huruf besar dan 'bold' boleh memberikan erti kata bahawa penulis memberikan penekanan kepada apa yang dinyatakan. SD1 juga telah menerangkan tujuannya menggunakan huruf besar dan 'bold' dalam emel-emel yang dihantar olehnya adalah untuk menarik perhatian plaintif kepada perkara penting. Mahkamah menerima penjelasan ini kerana ianya adalah munasabah. Kenyataan plaintif bahawa penggunaan huruf besar dan 'bold' adalah untuk menuduh, menfitnah plaintif sehingga plaintif menjadi trauma dan 'embarassed' tidak dibuktikan melalui apa-apa keterangan atau dokumen sokongan.

[66] Walaupun mahkamah mendapati kenyataan dalam emel-emel yang tersebut bukan satu kenyataan fitnah, namun mahkamah telah mempertimbangkan sama ada elemen ketiga iaitu penerbitan (publication) wujud.

[67] Mahkamah mendapati plaintif telah gagal untuk membuktikan kenyataan yang dikatakan fitnah tersebut telah diterbitkan kepada pihak ketiga.

[68] Merujuk kes *Raub Australian Gold Mining Sdn Bhd v. Hue Shieh Lee* (*supra*):

> [36] The final element that the plaintiff must prove is that the *words of which he complains have been published to any third party by the defendant.* As stated by Lord Esher MR in the case of *Hebditch v. Macilwaine* [1894] 2 QB 54 (at p 58):
>
> > The material part of the cause of action in libel is not the writing, but the publication of the libel.
>
> [37] *"Publication" means making the defamatory statement known to some other person other than of whom it is written or spoken.* The statement must be published to a third party (see: *S Pakianathan v. Jenni Ibrahim & Another Case* [1988] 1 MLRA 110). The uttering of a libel to the party libelled is no publication for the purpose of a civil action (see: *Wennhak v. Morgan* [1888] 20 QBD 634). *The fundamental principle is that the statement must be communicated to a third party in such manner as to be capable of conveying the defamatory imputation about the plaintiff* (see: *Gatley on Libel and Slander*, 9th edn at p 134).
>
> [38] *The test involved in determining whether or not the words complained of are defamatory is a two-stage process. Firstly, it must be considered what meaning the words would convey to an ordinary person; and secondly, it must be considered whether under the circumstances in which the words were published, a reasonable man would be likely to understand that in a defamatory way* (see: *Wong Yoke Kong & Ors v. Azmi M Anshar & Ors* [2003] 2 MLRH 439).
>
> (penekanan ditambah)

[69] Defendan-defendan menyatakan bahawa kenyataan atau emel-emel tersebut tidak pernah diterbitkan kepada mana-mana pihak ketiga dan bahawa ahli jawatankuasa defendan pertama bukanlah pihak ketiga. Plaintif sendiri gagal mengemukakan sebarang bukti yang menunjukkan bahawa emel-emel tersebut telah diterbitkan kepada penduduk di Pangsapuri Anggun melalui "WhatsApp group" atau mengemukakan mana-mana saksi untuk membuktikan dakwaan plaintif tersebut.

[70] Mahkamah bersetuju bahawa membuat salinan (cc) kepada ahli jawatankuasa defendan pertama bukanlah penerbitan, penyebaran atau penyiaran kepada pihak ketiga kerana ahli jawatankuasa defendan pertama adalah sebahagian daripada defendan pertama itu sendiri yang dibentuk melalui mesyuarat agung tahunan. Tambahan, tiada apa-apa bukti yang dikemukakan oleh plaintif bahawa kenyataan yang dikatakan fitnah dalam emel-emel tersebut telah dihantar melalui "WhatsApp group" penduduk Pangsapuri Anggun. Pendek kata, tiada apa-apa bukti langsung bahawa defendan-defendan telah menghantar emel-emel tersebut kepada pihak ketiga selain ahli jawatankuasa defendan pertama.

Sama Ada Defendan-defendan Bertanggungjawab Atas Kepalsuan Memudaratkan, Konspirasi Mencederakan, Frod Dan Representasi Palsu Kepada Plaintif

[71] Plaintif mendakwa defendan-defendan telah secara salah, berkonspirasi untuk mencederakan plaintif dengan menerbitkan, menyiarkan, dan menyebabkan untuk disiarkan libel dan/atau slander terhadap plaintif.

[72] Pertamanya, mahkamah telah mendapati kenyataan dalam emel-emel defendan-defendan tidak berunsur fitnah dan jika pun ia adalah kenyataan berunsur fitnah (mahkamah dapati tiada fitnah), tiada penerbitan kepada pihak ketiga.

[73] Selanjutnya, plaintif langsung tidak kemukakan apa-apa bukti untuk menunjukkan defendan-defendan telah melakukan perbuatan-perbuatan kepalsuan memudaratkan, konspirasi mencederakan, frod dan representasi palsu kepada plaintif. Plaintif juga gagal untuk mengemukakan apa-apa bukti bahawa akibat daripada emel-emel defendan-defendan tersebut, plaintif telah mengalami kecederaan, kehilangan pendapatan, tercalar social standing plaintif atau imej firma guaman plaintif telah tercedera.

[74] Merujuk kes *Raub Australian Gold Mining Sdn Bhd v. Hue Shieh Lee*, Mahkamah Persekutuan menerangkan kepalsuan memudaratkan seperti berikut:

> The Law on Malicious Falsehood
>
> [39] In order to establish a claim under malicious falsehood, *it is trite law that the plaintiff bears the burden of proving the following elements:*
>
> (i) *that the defendant published about the plaintiff words which are false;*
>
> (ii) *that the words were published maliciously;* and
>
> (iii) *that special damage followed as the direct and natural result of the publication.*
>
> …
>
> [40] "Malice" has been judicially interpreted by the courts as *being reckless, unreasonable, prejudice or unfair belief in the truth of the statement.* "Malice" may be established by showing that the defendant did not believe in the truth of what he uttered (see: *Harrocks v. Lowe* [1974] 1 All ER 662 and *Watt v. Longsdon* [1930] 1 KB 130 at p 154, [1929] All ER 284 at p 294).
>
> [41] As defined in the *Osborn's Concise Dictionary* (7th edn), the word "malice" means:
>
> > *Ill-will or evil motive: personal spite or ill-will sometimes called actual malice, express malice or malice in fact. In law an act is malicious if done intentionally without just cause or excuse.* So long as a person believes in the truth of what he says and is not reckless, malice cannot be inferred from the fact that his belief is unreasonable, prejudiced or unfair (*Horrocks v. Lowe* [1972] 1 WLR 1625).

> [42] In law, an act is malicious if done intentionally without just cause or excuse. So long as a person believes in the truth of what he says and is not reckless, "malice" cannot be inferred from the fact that his belief is unreasonable, prejudiced or unfair (see: *Anne Lim Keng See v. The New Straits Times Press (M) Bhd & Anor And Other Appeals* [2008] 2 MLRA 325, *Horrocks v. Lowe* (*supra*). (penekanan ditambah)

[75] Mahkamah bersetuju kenyataan dalam emel-emel tersebut bukanlah kenyataan yang memburukkan plaintif tetapi defendan-defendan hanyalah menyatakan pendirian defendan pertama dan memohon penjelasan daripada plaintif berkenaan tindakan plaintif serta meminta dokumen-dokumen berkaitan untuk defendan pertama membuat pembayaran. Mahkamah mendapati ini adalah hak defendan-defendan selaku litigan dalam sesuatu tindakan untuk mendapatkan penjelasan berhubung apa-apa bayaran fi guaman yang telah dikenakan oleh peguamnya. Defendan-defendan mempunyai hak untuk mempertikaikan fi guaman yang dikenakan dan jika tidak berpuas hati, boleh mengambil tindakan yang wajar menurut undang-undang yang terpakai.

[76] Merujuk kes *Yeohata Machineries Sdn Bhd & Anor v. Coil Master Sdn Bhd & Ors* [2016] 2 CLJ 414; [2016] 6 MLRA 326, Mahkamah Rayuan memutuskan:

> [25] We now turn to the issue of conspiracy to injure. In order to sustain an action in conspiracy, *the plaintiffs must plead and prove four essential ingredients. They are: (i) a combination or agreement between two or more individuals, (ii) an intent to injure, (iii) pursuant to which combination or agreement and with that intention certain acts were carried out, and (iv) resulting in loss and damage to the plaintiffs.* The learned trial judge found that the evidence produced by the plaintiffs was not sufficient to establish the tort of conspiracy to injure. The 1st defendant company was not operational while the 3rd defendant was a Director of the 1st plaintiff. The defendants did not take any confidential information from the plaintiffs. There was no agreement to prevent the defendants from incorporating a new company. We have considered the evidence in totality and find that there is nothing to justify us in disturbing the findings of fact of the learned trial judge. (penekanan ditambah)

[77] Plaintif gagal membuktikan elemen-elemen untuk menunjukkan terdapat konspirasi antara defendan-defendan untuk mencederakan plaintif melalui emel-emel tersebut atau mana-mana tindakan defendan-defendan, sedangkan emel-emel tersebut jelas hanyalah memohon penjelasan dan dokumen yang relevan untuk defendan pertama melakukan pembayaran.

[78] Plaintif juga mendakwa defendan-defendan telah melakukan frod dan representasi palsu terhadap plaintif. Sepertimana yang telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Sinnaiyah & Sons Sdn Bhd v. Damai Setia Sdn Bhd* [2015] 7 CLJ 584; [2015] 5 MLJ 1, beban pembuktian bagi kes yang melibatkan frod dan pemalsuan adalah atas imbangan kebarangkalian. Beban bukti terletak atas pihak yang mendakwa terdapatnya frod.

[79] Plaintif mendakwa plaintif telah didorong untuk mempercayai bahawa defendan pertama akan membuat pembayaran fi guaman bagi kes Jasakon Niaga, namun tiada langsung bayaran yang dibuat oleh defendan pertama walaupun plaintif telah mengendalikan perbicaraan pada 6 Oktober 2020 dan 7 Oktober 2020, serta menyediakan dan memfailkan dokumen-dokumen perbicaraan. Menurut plaintif, defendan ketiga telah menjanjikan untuk membuat pembayaran paling awal pada 29 Oktober 2020 atau 30 Oktober 2020 atau selewat-lewatnya 7 November 2020, namun defendan ketiga enggan hadir memberi keterangan semasa perbicaraan. Plaintif juga mendakwa pada masa yang sama, defendan kedua dan defendan ketiga telah mengarahkan plaintif untuk menaikkan amaun dan menghantar semula invois bertarikh 19 November 2020 untuk jumlah yang lebih tinggi iaitu RM5,953. Walaupun defendan ketiga menjanjikan pembayaran, namun tiada apa-apa bayaran yang dibuat. Plaintif telah mengalami kerugian atas ketiadaan pembayaran sedangkan kerja-kerja telah dijalankan oleh plaintif. Plaintif menyatakan plaintif telah memfailkan notis pemberhentian tanpa kebebasan memfailkan semula bagi kes Jasakon Niaga kerana tiada arahan lanjut daripada defendan-defendan. Pada masa yang sama, defendan kedua tidak dapat dihubungi kerana plaintif telah dihalang (blocked) daripada menghubungi defendan kedua melalui telefon. Bagi kes enam pemunya petak, plaintif menyatakan defendan-defendan maklum RM6,648 hanyalah fi untuk membuka fail dan tidak termasuk untuk tindakan lain seperti penghakiman ingkar kehadiran dan penyampaian ganti. Oleh itu, plaintif menegaskan defendan-defendan terutama defendan pertama telah melakukan frod terhadap plaintif kerana enggan membayar fi guaman yang dijanjikan.

[80] Mahkamah mendapati apa yang didakwa oleh plaintif sebagai frod bukanlah satu tindakan melakukan frod oleh defendan-defendan. Apa yang jelas melalui emel-emel yang dihantar pada masa material, terdapat ketegangan antara plaintif dan defendan-defendan akibat daripada pertikaian pembayaran fi guaman. Mahkamah mendapati tiada unsur frod dalam kes ini. Apa yang berlaku adalah defendan pertama tidak berpuas hati dengan jumlah fi guaman yang dikenakan dan telah meminta dokumen sokongan untuk kerja-kerja yang telah diselesaikan. Defendan pertama juga telah meminta penjelasan berhubung fi guaman yang dikemukakan oleh plaintif. Pertikaian berlanjutan apabila plaintif tidak mengemukakan dokumen dan penjelasan. Akibatnya hubungan antara defendan-defendan dan plaintif menjadi amat tegang sehingga komunikasi antara mereka tidak dapat diteruskan. Namun, dalam emel-emel yang dihantar oleh defendan-defendan telah menyatakan mereka akan membuat pembayaran apabila plaintif memberikan dokumen-dokumen relevan untuk membuktikan kerja-kerja yang telah dilaksanakan. Tambahan pula, defendan-defendan juga ada membuat bayaran kepada peguam cara terdahulu dan juga kepada plaintif bagi kes enam pemunya petak.

[81] Mahkamah berpendapat penangguhan bayaran oleh defendan-defendan untuk mendapatkan penjelasan bukan satu tindakan frod. Apa yang diminta defendan-defendan adalah hak mereka sebagai litigan. Frod dalam semua kes, merujuk kepada tindakan yang dilakukan dengan sengaja oleh mana-mana pihak, dengan seseorang cuba untuk menghalang hak yang sepatutnya dimiliki oleh pihak lain, melalui cara yang tidak sah atau tidak adil. Dalam kes ini, plaintif gagal untuk membuktikan defendan-defendan telah menipu plaintif dengan tidak membayar tuntutan fi guaman yang dikemukakan oleh plaintif. Apa yang jelas daripada emel-emel yang dihantar oleh defendan-defendan, defendan pertama berulang kali telah meminta dokumen dan penjelasan dengan menyatakan dokumen-dokumen itu perlu bagi defendan pertama membuat bayaran, namun tidak diberikan oleh plaintif. Kelakuan defendan-defendan dalam keadaan ini tidak boleh dikatakan adalah satu tindakan frod terhadap plaintif.

[82] Mahkamah merujuk keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Letchumanan Chettiar Alagappan (As Executor To SL Alameloo Achi (Deceased)) & Anor v. Secure Plantation Sdn Bhd* [2017] 5 CLJ 418; [2017] 4 MLJ 697. Mahkamah Persekutuan menyatakan seperti berikut berhubung definisi frod:

> [18] What amounts to 'fraud'? 'It is not easy to give a definition of what constitutes fraud in the extensive signification in which the term is understood by Civil Courts of Justice. The courts have always avoided hampering themselves by defining or laying down as a general proposition what shall constitute fraud. Fraud is infinite in variety (*Reddaway & Co and Another v. Banham & Co and Another* [1896] AC 199 at p 221). The fertility of man's invention in devising new schemes of fraud is so great, that the courts have always declined to define it, or to define undue influence, which is one of the many varieties, reserving to themselves the liberty to deal with it under whatever form it may present itself (*Allcard v. Skinner* (1887) 36 Ch D 145 at p 183). *Fraud, in the contemplation of a Civil Court of Justice, may be said to include properly all acts, omissions, and concealments which involve a breach of a legal or equitable duty, trust or confidence, justly reposed, and are injurious to another, or by which an undue or unconscientious advantage is taken of another (Story, Eq Jur 187). All surprise, trick, cunning, dissembling and other unfair way that is used to cheat any one is considered fraud (Finch 439). Fraud in all cases implies a wilful act on the part of any one, whereby another is sought to be deprived, by illegal or inequitable means, of what he is entitled to* (*Green v. Nixon* (1857) 23 Beav 530 at p 535)' (*Kerr on Fraud and Mistake* (7th Ed) at p 1). *'The concept of fraud is notoriously difficult to define' (Cavell USA Inc and another v. Seaton Insurance Company and another [2009] EWCA Civ 1363 per Longmore LJ, Mummery and Toulson LJJ in agreement). We would not hazard to define 'fraud'. We would just say that 'fraud' is a generic term which also covers all manner of cheat, deceit and dishonesty. Given its wide meaning, 'an action in fraud will usually include a number of distinct causes of action …' and 'claims to trace assets in equity or, perhaps, at common law'* (*Bullen & Leake & Jacobs Precedents of Pleadings* (18th Ed Vol 2) at 57-01). (penekanan ditambah)

[83] Seterusnya, berkenaan tuntutan plaintif terhadap defendan-defendan untuk memulangkan kad perniagaan milik plaintif yang dikatakan telah ditinggalkan atas permohonan defendan-defendan. Akibat daripada ini, plaintif mendakwa telah mengalami kerosakan dan kerugian akibat daripada tindakan itu. Mahkamah setuju dengan hujahan defendan-defendan bahawa tiada apa-apa bukti yang dikemukakan oleh plaintif berhubung dakwaan ini.

Sama Ada Defendan-defendan Boleh Menuntut Ganti Rugi Bagi Kes Jasakon Niaga Dalam Tuntutan Balas Defendan

[84] Plaintif menghujahkan bahawa plaintif berhak memfailkan notis pemberhentian tanpa kebebasan memfailkan semula kerana plaintif telah memberikan notis-notis termasuk notis bertulis kepada defendan-defendan sebelum pemfailan dan defendan kedua telah bertindak menghalang (block) plaintif melalui telefonnya. Tindakan defendan kedua telah mengakibatkan plaintif tidak boleh mendapatkan sebarang arahan mahupun perbincangan dengan pihak defendan-defendan. Plaintif telah dimaklumkan oleh defendan ketiga bahawa hanya defendan kedua berhak membuat keputusan bagi pihak defendan pertama. Perkara ini juga disahkan oleh kakitangan defendan pertama, iaitu Nur Syafika Asyikin binti Noridi.

[85] Plaintif menyatakan plaintif terpaksa menghantar notis-notis untuk pembayaran, pada setiap masa material, melalui emel kerana defendan kedua telah menghalang plaintif daripada menghubungi defendan kedua melalui telefon.

[86] Plaintif menegaskan tindakan plaintif memfailkan notis pemberhentian tanpa kebebasan memfailkan semula adalah wajar dan patut. Menurut plaintif, tugas dan tanggungjawab peguam terhadap mahkamah adalah paling utama. Oleh kerana defendan-defendan telah menghalang plaintif selaku peguam defendan pertama daripada mendapatkan sebarang arahan dan komunikasi untuk tindakan lanjut kes Jasakon Niaga dan untuk apa jua arahan bagi kes terhadap enam pemunya petak, plaintif menjadi malu untuk hadir ke mahkamah tanpa sebarang arahan dan mandat daripada anak guam. Akibatnya, plaintif tidak dapat mengendalikan kes di mahkamah. Plaintif merujuk k. 6 Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Amalan dan Etiket) 1978, dan kes *Cheah Cheng Hoc v. PP* [1986] 1 CLJ 169; [1986] CLJ (Rep) 84; [1986] 1 MLJ 299 dan *Re Zainur Zakaria* [1999] 3 CLJ 696; [1999] 2 MLJ 577 untuk menyokong hujahannya.

[87] Defendan-defendan menegaskan defendan pertama telah mengalami kerugian yang amat besar akibat daripada tindakan plaintif selaku peguam defendan pertama, yang telah bertindak tanpa arahan defendan pertama, apabila memfailkan notis pemberhentian tanpa kebebasan memfailkan semula untuk kes Jasakon Niaga. Tuntutan defendan pertama terhadap Jasakon Niaga melibatkan wang penduduk Pangsapuri Anggun yang

berjumlah RM94,800. Tindakan plaintif ini telah mengabaikan hak anak guam plaintif iaitu defendan pertama dan telah bertindak dengan *mala fide* sedangkan plaintif mempunyai pilihan untuk menarik diri sebagai peguam cara defendan pertama.

[88] Defendan-defendan menyatakan plaintif sebagai peguam bela dan peguam cara, adalah tertakluk kepada etika peguam. Defendan-defendan merujuk kk. 16, 31 dan 35 Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Amalan dan Etiket) 1978 berkenaan tanggungjawab seorang peguam cara kepada anak guam secara amnya:

> 16. Advocate and solicitor to uphold interest of client, justice and dignity of profession
>
> An advocate and solicitor shall while acting with all due courtesy to the tribunal before which he is appearing, *fearlessly uphold the interest of his client, the interest of justice and dignity of the profession without regard to any unpleasant consequences either to himself or to any other person.*
>
> 31. Advocate and solicitor to uphold dignity of profession
>
> Every advocate and solicitor shall at all times uphold the dignity and high standing of his profession.
>
> 35. Advocate and solicitor not to abuse confidence reposed in him by client.
>
> (a) An advocate and solicitor shall refrain from any action whereby for his personal benefit or gain he abuses or *takes advantage of the confidence reposed in him by the client.*
>
> (b) An advocate and solicitor *shall preserve his client's confidence and this duty outlasts his employment.* (penekanan ditambah)

[89] Mahkamah berpendapat tindakan plaintif memfailkan notis pemberhentian tanpa kebebasan memfailkan semula bagi kes Jasakon Niaga adalah satu tindakan yang keterlaluan dan tanpa asas yang telah memprejudiskan hak defendan-defendan dalam tuntutannya terhadap Jasakon Niaga. Tindakan plaintif telah menyebabkan defendan-defendan tidak boleh memfailkan tuntutan yang sama terhadap Jasakon Niaga secara kekal. Ini bermaksud defendan-defendan telah kehilangan hak secara kekal. Defendan-defendan adalah satu badan yang menjaga kepentingan hak penduduk-penduduk Pangsapuri Anggun, dalam erti kata lain, plaintif telah menidakkan hak penduduk-penduduk Pangsapuri Anggun dengan tindakan keterlaluannya.

[90] Plaintif selaku seorang peguam, pasti mempunyai pengetahuan bahawa plaintif seharusnya menarik diri dari terus bertindak sebagai peguam bela dan peguam cara defendan-defendan apabila pertikaian antara mereka menjadi tegang dan sehingga ke tahap tidak boleh berkomunikasi. Tindakan yang diambil oleh plaintif adalah tidak bertanggungjawab dan melanggar etika

peguam di bawah Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Amalan dan Etiket) 1978. Plaintif telah gagal untuk melindungi kepentingan anak guam, keadilan dan maruah profesion apabila mengambil tindakan yang tidak munasabah dan keterlaluan sehingga memprejudiskan defendan-defendan. Plaintif mempunyai tanggungjawab untuk berjaga-jaga dalam mengambil apa-apa tindakan bagi pihak anak guamnya dan jika plaintif gagal untuk menjalankan tanggungjawab tersebut, plaintif akan bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian yang timbul akibat daripadanya.

[91] Dalam kes *Neogh Soo Oh & Ors v. G Rethinasamy* [1983] 2 CLJ 218; [1983] CLJ (Rep) 663; [1983] 1 MLRH 175; [1984] 1 MLJ 126, Gunn Chit Tuan J memutuskan seperti yang berikut:

> A client may bring an action against his solicitor in contract, based on the retainer of the solicitor by the client, or in tort, or in both. A solicitor's duty is to use reasonable care and skill in giving such advice and taking such action as the facts of a particular case demand. The standard of care is that of the reasonably competent solicitor and duty is directly related to the confines of the retainer. A solicitor should consult with his client on all questions of doubt and keep him reasonably informed.

[92] Merujuk kes *Subramaniam Manickam v. Supramaniam Kasia Pillai* (*supra*), mahkamah menyatakan:

> [59] Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Messrs Yong & Co v. Wee Hood Teck Development Corp Ltd* [1984] 1 MLRA 165; [1984] 2 MLJ 39; [1984] 1 CLJ (Rep) 251 telah menyatakan seperti berikut mengenai dengan hubungan seorang peguam dengan kliennya:
>
> > The liability of a solicitor may be viewed in two aspects. At common law, the retainer imposes upon him an obligation to be skilful and careful and for failure to fulfil this obligation he may be made liable in contract for negligence whether he is acting for reward or gratuitously. On the other hand, like any other individual, *a solicitor is liable for his wrongful acts and if the circumstances justify the change, he may be made liable to his client on tort* (see *Halsbury's Law of England*, (3rd Ed.) Vol. 36 p. 96, para 131). *He owes a duty not to injure his client by failing to do that which he had undertaken to do which his client has relied on him to do* (*Midland Bank Trust Co. Ltd*.)
> >
> > (penekanan ditambah)

[93] Melalui autoriti-autoriti yang dinyatakan, jelas tanggungjawab seorang peguam cara adalah untuk bertindak untuk melindungi anak guamnya demi keadilan dan "in best interest of his client". Namun dalam kes ini, plaintif telah bertindak sebaliknya, mencederakan hak kepentingan defendan-defendan sehingga mengakibatkan defendan pertama mengalami kerugian atas tuntutan yang sepatutnya diterima oleh defendan-defendan.

[94] Keterangan plaintif menunjukkan plaintif sebenarnya mengetahui kesan dan akibat sekiranya notis pemberhentian tanpa kebebasan memfailkan semula difailkan olehnya terhadap kes defendan pertama. Merujuk kepada komunikasi WhatsApp antara plaintif dengan defendan kedua pada 14 Disember 2020, plaintif telah memberitahu defendan kedua seperti berikut:

> Assalamualaikum, tuan haji, since you all x berminat nk bayar our fees, *we will withdraw your matter against jasakon WITHOUT LIBERTY to file fresh. Maksudnya sampai bila2 jmb pangsapuri anggun x boleh saman jasakon lgi di mana mana mahkamah …* (penekanan ditambah)

[95] Jelas plaintif tahu tindakannya akan merugikan dan memprejudiskan defendan-defendan. Kenyataan plaintif jelas menunjukkan plaintif telah dengan sengaja menyebabkan kerugian terhadap defendan-defendan kerana tidak puas hati apabila defendan-defendan tidak membuat bayaran seperti yang diminta oleh plaintif. Tindakan plaintif itu dalam apa keadaan sekalipun adalah satu tindakan yang tidak munasabah dan tanpa asas. Seorang peguam yang beretika dan seorang yang munasabah dalam tindakannya tidak akan mengambil satu tindakan yang begitu drastik dan memprejudiskan anak guamnya. Plaintif mempunyai pilihan untuk menarik diri dan mengambil tindakan undang-undang terhadap defendan-defendan jika defendan-defendan masih gagal untuk membayar fi guamannya. Mahkamah berpendapat tindakan plaintif adalah suatu 'blatant act' dan salah laku yang serius.

[96] Mahkamah merujuk kes *Messrs Albert Ding, Lee & Partners v. Cho Chooi Mei* [2020] 5 CLJ 778; [2020] 1 MLRH 391. Mahkamah menjelaskan berkenaan dengan kesalahan tatatertib peguam cara dalam Legal Profession Act 1976 s. 94 seperti berikut:

> *Section 94(3)(n) and (o) of Act 166 clearly includes "misconduct" of an advocate and solicitor as gross disregard of his client's interests and being guilty of any conduct which is unbefitting of an advocate and solicitor or which brings or is calculated to bring the legal profession into disrepute.*
>
> ... Hence, it is in my opinion, morally wrong for her to refuse to discharge herself and her act of continuing to appear in court again after receiving the letter was clearly an act without regards of her client's interest and her conduct is a conduct which is unbefitting of an advocate and solicitor, contrary to the said *s. 94(3)(n) and (o) of Act 166.*
>
> [82] Since reference is made to *s. 94 of LPA*, it is imperative to scrutinise the provision. The section reads:
>
> *Section 94* – Power of Disciplinary Board to strike off the Roll, suspend for misconduct, *etc*
>
> (3) For the purposes of this Part, "misconduct" means conduct or omission to act in Malaysia or elsewhere by an advocate and solicitor in a professional capacity or otherwise which amounts to grave impropriety and includes:
>
> ...

A (m) the charging, in the absence of a written agreement, in respect of professional services rendered to a client, of fees or costs which are grossly excessive in all the circumstances;

(n) *gross disregard of his client's interest*s;

B (o) being guilty of any conduct which is unbefitting of an advocate and solicitor or which brings or is calculated to bring the legal profession into disrepute. (penekanan ditambah)

[97] Mahkamah bersetuju bahawa defendan-defendan adalah layak untuk mendapat ganti rugi atas kerugian dan prejudis yang dialami oleh defendan-defendan bagi kes Jasakon Niaga yang telah diberhentikan tanpa kebebasan C untuk memfailkan semula sedangkan kes tersebut sedang dalam proses perbicaraan. Defendan-defendan telah merujuk kes *Kuala Terengganu Specialist Hospital Sdn Bhd & Anor v. Ahmad Thaqif Amzar Ahmad Huzairi & Other Appeals* [2022] 10 CLJ 209; [2023] 1 MLRA 601 untuk menyokong tuntutan defendan-defendan bagi kerugian yang dialami akibat tindakan D plaintif. Mahkamah Rayuan memutuskan:

[48] We must stress that it is well settled that SD claims must be specifically pleaded and strictly proved. As correctly noted by the LJ, it is trite law that special damages must be pleaded and particularised and must be proved by either oral or documentary evidence (see *Jub'li* E *Mohamed Taib Taral & Ors v. Sunway Lagoon Sdn Bhd* [2001] 2 MLRH 224; [2001] 6 MLJ 669; [2001] 4 CLJ 599; *ABDA Airfreight Sdn Bhd v. Sistem Penerbangan Malaysia Bhd* [2001] 3 MLRH 434; [2001] 3 MLJ 641; [2001] 8 CLJ 1; [2001] 3 AMR 3441 and *Nurul Husna Muhammad Hafiz & Anor v. Kerajaan Malaysia & Ors* [2015] 1 MLRH 234; [2015] 1 CLJ 825.

F …

[54] In our deliberation on all the relevant heads of the damages which are the subject of this appeal, we adopt with approval the judgment of the Court of Appeal in *Tetuan Bahari Choy & Nongchik v. Harta Megajaya Sdn Bhd* [2020] 2 MLRA 92; [2019] 6 MLJ 491; [2019] 7 CLJ 332 that:

G [15] *As to damages, it is settled law that in order for a claimant to succeed in its claim the claimant must show that the loss and damages is due to the breach of contract or negligence by the defendant. Once that is established the claimant has the additional burden of proving the damages. …*
(penekanan ditambah)

H **[98]** Tuntutan defendan pertama dalam kes Jasakon Niaga adalah RM94,800 di Mahkamah Majistret. Maka defendan-defendan telah menuntut jumlah tersebut di dalam tuntutan balas defendan-defendan. Tuntutan balas defendan-defendan terhadap plaintif adalah sebanyak RM99,985.84.

[99] Walau bagaimanapun, jumlah tuntutan balas defendan-defendan I menurut keterangan SD1 di mahkamah adalah sebanyak RM98,846.34 iaitu tuntutan defendan pertama terhadap Jasakon Niaga berjumlah RM94,800 dan RM4,046.34 yang merupakan fi guaman yang telah dibayar oleh

defendan-defendan kepada plaintif bagi kes Jasakon Niaga. Adalah prinsip undang-undang mantap bahawa mahkamah ini mempunyai kuasa untuk mengawardkan satu jumlah tuntutan yang berbeza dari apa yang diplidkan berdasarkan keterangan di mahkamah. Mahkamah boleh membenarkan satu jumlah yang telah dibuktikan. Maka, itu menurut bukti yang telah dikemukakan oleh defendan-defendan, tuntutan balas defendan-defendan dibenarkan bagi jumlah RM98,846.34 (lihat: *BS Eramaju Engineering Sdn Bhd v. OPS Suria (EM) Sdn Bhd & Anor And Another Appeal* [2018] 1 LNS 590; [2018] CLJU 590; [2018] 5 MLJ 647).

[100] Berhubung keterangan SD1 ketika perbicaraan, plaintif menyatakan keterangan SD1 adalah tidak konsisten dan bercanggah. Mahkamah mendapati walaupun terdapat beberapa percanggahan dalam keterangan SD1, namun percanggahan itu bukanlah percanggahan material sehingga mencacatkan keseluruhan keterangannya. Kewujudan keterangan bercanggah tidak bermaksud SD1 berbohong. Kenyataan SD1 adalah berdasarkan dokumen-dokumen yang tidak disangkal oleh plaintif. Mahkamah merujuk kes *CAS v. MPPL & Anor* [2022] 6 CLJ 713; [2022] MLRHU 1141 yang menyatakan:

> [41] In assessing the credibility of a witness' testimony, *Courts recognise that there will always be discrepancies and contradictions in a witness' testimony, particularly where they have to recall an event that took place a few years prior to the trial. Such discrepancies do not automatically make the witness an unreliable witness and the whole of his/her evidence unacceptable*. Charles Ho J (as he then was) in *Mohamed Alias v. PP* [1981] 1 MLRH 574; [1983] 2 MLJ 172 *said that where there are discrepancies in a witnesses' testimony, it is for the Court "having observed the demeanour of the witness and after careful consideration of such discrepancies to accept part of the witness's evidence if it considers them to be true*". (penekanan ditambah)

[101] Maka, atas alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah mendapati bahawa plaintif telah gagal untuk membuktikan tuntutannya atas imbangan kebarangkalian, manakala defendan-defendan telah membuktikan tuntutan balasnya atas imbangan kebarangkalian. Oleh itu, mahkamah telah memerintahkan tuntutan plaintif ditolak dan tuntutan balas defendan-defendan dibenarkan bagi amaun RM98,846.34. Plaintif hendaklah membayar kos sebanyak RM50,000 kepada defendan-defendan.